

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH
[PETALING JAYA]

SOALAN NO. 253

Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah syarikat yang mengambil bahagian dalam potongan cukai untuk menggaji bekas banduan mengikut negeri, jumlah bekas banduan yang digaji dan menyatakan sama ada terdapat perbezaan jumlah syarikat yang mengambil bahagian dan jumlah bekas banduan digaji berbanding tahun-tahun terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018, Kerajaan telah mengumumkan insentif cukai berupa potongan tambahan ke atas penggajian yang diberi kepada warga emas dan bekas banduan. Kerajaan juga telah bersetuju supaya skop pengecualian ini turut diperluaskan kepada Orang DiParol (ODP), Orang DiSelia (ODS) dan Bekas Penagih Dadah.

Melalui inisiatif ini, Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan penglibatan majikan dalam menggaji golongan sasaran berkenaan bagi memastikan mereka terus menyumbang kepada pembangunan sektor ekonomi Negara dan dalam masa yang sama memberi peluang kedua kepada golongan ini untuk kembali ke pangkuan masyarakat.

Insentif ini akan ditadbir melalui perundangan subsidiari Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggajian Warga Emas, Bekas Banduan, Orang Diparol, Orang Diselia dan Bekas Penagih Dadah) 2019 [P.U.(A)164/2019] untuk tahun taksiran 2019 dan 2020.

Memandangkan insentif ini berkuat kuasa bermula tahun taksiran 2019, syarikat pemohon hanya akan mengemukakan permohonan untuk mendapat pengesahan daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia dalam tahun 2019 manakala tuntutan potongan cukai syarikat hanya akan dikemukakan setelah syarikat membuat pemfailan cukai kepada pihak LHDNM bagi tahun taksiran 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH
[PETALING JAYA]

SOALAN NO. 253

Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah syarikat yang mengambil bahagian dalam potongan cukai untuk menggaji bekas banduan mengikut negeri, jumlah bekas banduan yang digaji dan menyatakan sama ada terdapat perbezaan jumlah syarikat yang mengambil bahagian dan jumlah bekas banduan digaji berbanding tahun-tahun terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018, Kerajaan telah mengumumkan insentif cukai berupa potongan tambahan ke atas penggajian yang diberi kepada warga emas dan bekas banduan. Kerajaan juga telah bersetuju supaya skop pengecualian ini turut diperluaskan kepada Orang DiParol (ODP), Orang DiSelia (ODS) dan Bekas Penagih Dadah.

Melalui inisiatif ini, Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan penglibatan majikan dalam menggaji golongan sasaran berkenaan bagi memastikan mereka terus menyumbang kepada pembangunan sektor ekonomi Negara dan dalam masa yang sama memberi peluang kedua kepada golongan ini untuk kembali ke pangkuan masyarakat.

Insentif ini akan ditadbir melalui perundangan subsidiari Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggajian Warga Emas, Bekas Banduan, Orang Diparol, Orang Diselia dan Bekas Penagih Dadah) 2019 [P.U.(A)164/2019] untuk tahun taksiran 2019 dan 2020.

Memandangkan insentif ini berkuat kuasa bermula tahun taksiran 2019, syarikat pemohon hanya akan mengemukakan permohonan untuk mendapat pengesahan daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia dalam tahun 2019 manakala tuntutan potongan cukai syarikat hanya akan dikemukakan setelah syarikat membuat pemfailan cukai kepada pihak LHDNM bagi tahun taksiran 2019.